

PM syor seragam undang-undang

B.H. 22 SEP 1992

(v)
Daripada Mustapa Omar

JAKARTA, Isnin — Malaysia menyarankan Pertubuhan Antara Parlimen Asean (AIPO), membincangkan kemungkinan menyeragamkan undang-undang yang dikuatkuasakan di negara anggotanya bagi menjamin Asean lebih bersatu dan kuat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia menyokong cadangan AIPO mewujudkan undang-undang yang seragam di kalangan negara Asean, bermula dengan masalah membabitkan dadah.

"Jika AIPO berjaya menggubal undang-undang seragam mengenai dadah, ia juga perlu mengambil kira undang-undang lain, termasuk mengenai kawalan alam sekitar, komunikasi, perkhidmatan pos dan hidupan liar," katanya.

Beliau berkata demikian di perasmian Perhimpunan Agung AIPO dilakukan oleh Naib Presiden Indonesia, Sudharmono, di sini hari ini. Ucapannya dibacakan oleh Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamed Zahir Ismail.

Jawatankuasa AIPO berhubung Perundangan Seragam Mengenai Narkotik, Penggunaan Dadah dan Pemulihan dalam pertemuannya di Kuala Lumpur bulan lalu, bersetuju mencadangkan semua negara Asean mengenakan hukuman mati bagi kesalahan mengedar dadah.

Dr Mahathir juga menyentuh perlunya perubahan tertentu dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), berdasarkan pel-

bagai perkembangan terbaru.

Menurutnya, Malaysia tidak menafikan kejayaan majlis itu menyelesaikan masalah antarabangsa, tetapi beberapa kejadian yang berlaku sejak kebelakangan ini memerlukan perubahan.

"Meningkatnya ketidakadilan dalam sistem ekonomi dan politik antarabangsa ketika ini, menyebabkan jurang perbezaan antara negara kaya di Utara dengan yang miskin di Selatan semakin lebar.

"Kita tidak perlukan anggota tetap yang mempunyai hak veto. Apa yang kita mahu ialah perwakilan yang adil jika tidak berasaskan jumlah penduduk, sekurang-kurangnya berdasarkan kepada gabungan faktor yang berkaitan," katanya.

Perdana Menteri juga meminta Asean menyokong penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEC), dalam usaha menghalang arah aliran yang berbentuk perdagangan terkawal dan menyokong sistem perdagangan bebas antarabangsa.

Persidangan enam hari itu disertai 15 perwakilan Parlimen Malaysia, 32 dari Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) Indonesia, Filipina (11), Singapura (18), Thailand (22) dan Brunei Darussalam (5).

Selain itu, Australia, Kanada, China, Korea Selatan, New Zealand dan Russia turut menghantar wakil sebagai pemerhati, di samping 20 perwakilan dari Parlimen Eropah dan Presiden Kesatuan Antara Parlimen (IPU), Michael Marshall.